



MANUAL KHUTBAH JUMAAT

TAJUK ;
FITNAH
MERUNTUHKAN
UKHUWAH



ISLAMIC SAVOUIR OBEIDENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"FITNAH MERUNTUHKAN UKHUWAH".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠١﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	
Marilah sama-sama kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya dan keimanan yang teguh akan menjadikan kita hamba yang berjaya dan berbahagia di dunia dan juga di akhirat kelak.	5
Di hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "FITNAH MERUNTUHKAN UKHUWAH."	6



<p>Agama Islam adalah agama persaudaraan yang amat mementingkan ukhuwah dan kasih sayang sesama insan. Menjaga ukhuwah itu adalah satu kewajipan dan ianya perlu dijaga dengan sebaik-baiknya oleh semua umat Islam. Ukhuwah yang kukuh yang terjalin di antara umat Islam adalah berlandaskan tauhid kepada Allah SWT.</p>	7
<p>Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 10 seperti mana yang telah dibacakan pada mukadimah khutbah tadi yang bermaksud:</p> <p><i>“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”</i></p>	8
<p>Bagi menjaga ukhuwah, agama yang mulia ini mengajar umatnya untuk sentiasa menjaga diri daripada menyakiti orang lain sama ada dengan lisan atau pun perbuatan.</p> <p>Dalam sebuah hadis daripada Anas bin Malik Radhiallahu ‘Anhu, Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا، وَلَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ</p>	9
<p><i>“Janganlah kamu saling membenci, janganlah kamu saling berdengki, janganlah kamu saling bermusuhan, dan jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara, dan tidak boleh bagi seorang Muslim meninggalkan (tidak bertegur) saudaranya lebih daripada tiga hari.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	10



Punca utama yang boleh mengakibatkan runtuhnya ukhuwah Islamiah adalah kesan daripada perbuatan fitnah. Fitnah itu sendiri merupakan satu tuduhan yang dibuat-buat untuk memburuk-burukkan seseorang. Perbuatan ini adalah salah satu daripada dosa-dosa besar dalam Islam dan akan diazab pelakunya dengan azab seksa yang amat pedih. Fitnah juga boleh dikategorikan sebagai salah satu daripada kesalahan jenayah. Kanun Keseksaan telah memperuntukkan fitnah sebagai satu kesalahan jenayah yang pelakunya boleh didenda dan dipenjara jika sabit kesalahan.

11

Perbuatan fitnah ini sengaja dibuat atas dasar memenuhi agenda peribadi individu mahu pun satu-satu kumpulan. Ia bermula daripada hati yang kotor yang dipenuhi dengan sifat-sifat mazmumah ditambah pula dengan pengaruh bisikan syaitan. Dengan itu, terhasillah satu perbuatan yang amat dibenci dalam Islam. Apabila diri menjadi jauh daripada Allah SWT, akan wujud perasaan hasad dengki dan tidak senang dengan kejayaan orang lain sehingga melahirkan perbuatan fitnah. Seseorang yang membuat fitnah biasanya akan berasa senang hati dan menjadi satu kejayaan bagi dirinya apabila orang yang difitnah itu dilihat jatuh terduduk dan hidup dalam kegagalan.

12

Di zaman moden ini, fitnah terlalu mudah dan cepat untuk disebar. Jikalau dahulu sesuatu berita agak lambat untuk menjadi buah mulut masyarakat, kini tidak dapat disangkal lagi segalanya semudah hanya di hujung jari sahaja. Kemunculan pelbagai bentuk media secara digital berasaskan media sosial seperti *Facebook*, *Whatsapp*, *Instagram*, *Telegram* dan sebagainya telah memberikan banyak manfaat kepada masyarakat. Namun disisi yang berbeza, media-media sosial itu telah disalah gunakan sehingga menjadi medium untuk menyebarkan fitnah.

13



Ketika kita berinteraksi di media-media sosial tersebut kita perlulah ingat bahawa kita telah mendedahkan diri kepada sebuah dunia yang terbuka dan tanpa sempadan. Oleh itu, kita perlulah menjaga adab-adab dan berakhlaklah sebagai seorang yang beriman kepada Allah SWT dan Hari Akhirat. Sentiasalah berhati-hati dan menjaga diri daripada membuat dan menyebarkan fitnah. Ini kerana bahaya fitnah itu akan mengakibatkan kita tidak akan dapat memasuki syurga Allah SWT.

14

Hadis daripada Huzaifah Radhiallahu 'Anhu, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَاتٌ

"Tidak akan masuk syurga orang yang suka menyebarkan fitnah di antara manusia."

(Riwayat al-Bukhari).

15

Perlu diingat bahawa membuat dan menyebarkan fitnah itu mengundang kepada perpecahan dan dapat meruntuhkan ukuwah. Kejinya perbuatan fitnah ini kerana ia menjadi punca kepada timbulnya salah faham, pertengkar dan pergaduhan sehingga menyebabkan suami isteri bercerai-berai, hubungan adik beradik dan saudara mara menjadi renggang, rakan bermusuhan, kehidupan masyarakat menjadi tidak tenteram, dan seumpamanya. Semuanya dapat dibuat hanya dengan satu perkhabaran yang direka-reka sahaja.

16



Lihatlah, bagaimana hubungan suami isteri yang telah dijaga dengan baik dan hidup dalam keadaan yang harmoni dapat diruntuhkan hanya dengan satu fitnah sahaja. Adik beradik yang sama-sama membesar dan saling berkongsi kisah suka dan duka menjadi renggang hubungannya dan berlaku pergaduhan hanya dengan satu fitnah sahaja. Saudara mara yang kuat hubungan persaudaraan mereka, saling ziarah menziarahi dan selalu bertanya khabar akhirnya tidak bertegur sapa hasil daripada satu fitnah sahaja. Rakan-rakan yang menjadi tempat bertukar-tukar cerita dan melakukan aktiviti bersama-sama bertukar menjadi musuh akibat daripada satu fitnah sahaja. Begitulah besarnya bahaya fitnah yang dapat meruntuhkan ukhuwah sesama umat Islam.

17

Ayuh, marilah kita semua mendidik diri kita, keluarga kita dan umat Islam seluruhnya dengan saling menasihati dan tegur menegur terhadap perbuatan yang dapat meruntuhkan ukhuwah ini iaitu membuat dan menyebarkan fitnah. Berhentilah daripada menjadi ejen penyebar berita-berita yang tidak benar. Apa yang paling penting, sekiranya kita mendapat sesuatu khabar berita tentang seseorang, janganlah terus mempercayainya, selidikilah dahulu agar kita tidak menyesal di kemudian hari nanti.

18

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا
قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

19



"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."

20

Bagi mengakhiri khutbah, marilah kita semua mengambil pengajaran terhadap perkara-perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa perbuatan membuat dan menyebarkan fitnah adalah perbuatan yang dibenci oleh Allah SWT.
2. Ukuwah sesama umat Islam perlu dijaga dengan baik kerana ianya merupakan satu kewajipan.
3. Umat Islam hendaklah saling mengingatkan dan memberi nasihat di antara satu sama lain agar tidak melakukan perkara-perkara mungkar.
- 4.

21

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾ هَمَّازٍ مَّشَاءٍ بِنِيمٍ ﴿١١﴾ مَنَّاعٍ لِلْخَيْرِ
مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾ عُتْلٍ بَعْدَ ذَلِكَ زَنِيمٍ ﴿١٣﴾

22

"Dan janganlah engkau patuhi setiap orang yang suka bersumpah dan suka menghina, suka mencela, yang ke sana ke mari menyebarkan fitnah, yang menghalang segala yang baik, yang melampaui batas dan banyak dosa, yang bertabiat kasar selain itu juga terkenal dengan kejahatannya."

23

(Surah al-Qalam : 10-13).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	24
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	25



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22